



**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)
MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-31 (1/2024) SECARA DALAM TALIAN**

Tarikh : 14 Februari 2024 (Rabu)
Masa : 9.30 pagi
Platform : secara dalam talian menerusi aplikasi *Google Meet*
Kehadiran : seperti di **Lampiran A**

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
31.1	<p>Aluan Pengerusi</p> <p>Pengerusi:</p> <p>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan ummul kitab Al-fatihah dan seterusnya mengalu-alukan kehadiran Penasihat dan Ahli Jawatankuasa Kerja ke Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-31 (1/2024) secara dalam talian melalui Aplikasi <i>Google Meet</i>.</p> <p>(b) merakamkan ucapan tahniah di atas lantikan baharu dan juga ucapan penghargaan kepada mantan ahli Jawatankuasa Kerja ISMS UPM, iaitu:</p> <p>(i) Cik Nur Syazleen Ilyana Syarifuddin, dilantik sebagai Timbalan Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah berkuatkuasa pada 9 Januari 2024; dan</p> <p>(ii) Puan Rahmawati Umar, mantan Timbalan Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah yang telah berkhidmat bagi tempoh 10 Mei 2022 hingga 1 Januari 2024.</p> <p>(c) Memaklumkan berdasarkan Kursus Peralihan ISO 27001 daripada Versi 2013 kepada Versi 2022 yang diadakan pada 6 Februari 2024, pihak jawatankuasa kerja perlu merangka gerak kerja bagi memenuhi keperluan standard ISMS yang terkini.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
31.2	<p>Pengesahan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-29 & Ke-30 (Khas) Secara Dalam Talian</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan mengesahkan dua (2) minit mesyuarat berikut tanpa sebarang pindaan, iaitu:</p> <p>(a) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-29 (3/2023) secara dalam talian pada 7 Julai 2023; dan</p> <p>(b) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali Ke-30 (Khas) (4/2023) secara dalam talian pada 5 Oktober 2023.</p>	Makluman
31.3	<p>Perkara Berbangkit</p> <p>Mesyuarat meneliti perkara-perkara berbangkit hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Kali ke-29 dan Ke-30 (Khas) adalah sebagaimana Laporan Agenda 3 yang dibentangi. Mesyuarat mengambil maklum kesemua perkara berbangkit telah diambil tindakan oleh peneraju proses terlibat.</p>	Makluman
31.4	<p>Laporan Objektif Keselamatan Maklumat</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Disember 2023 adalah sebagaimana Laporan Agenda 4 yang dibentangkan semasa mesyuarat.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum kesemua enam (6) objektif ISMS tahun 2023 yang diukur telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Perincian pencapaian objektif ISMS Januari hingga Disember 2023 adalah seperti pada Lampiran B.</p>	Makluman Makluman

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	(c) Mesyuarat bersetuju kesemua enam objektif ISMS sedia ada beserta sasaran dikekalkan untuk pengukuran tahun 2024 atas justifikasi ianya masih relevan dan baru diukur bermula tahun 2022/2023. Sekurang-kurangnya tempoh tiga (3) tahun diperlukan bagi memantau tahap pencapaian objektif ISMS yang telah ditetapkan.	Makluman
31.5	<p>Laporan Penyata Pemakaian [Statement of Applicability (SoA)] & Dokumentasi ISMS</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penyata Pemakaian (SoA) dan Dokumentasi ISMS adalah sebagaimana Laporan Agenda 5 yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat dimaklumkan dua (2) dokumen rujukan ISMS dengan tarikh kemaskini 5 Oktober 2023 masih relevan dengan pelaksanaan ISMS di UPM dan boleh dirujuk melalui paparan eISO UPM. Dokumen yang terlibat seperti berikut:</p> <p>(i) Dokumen Rujukan Pelaksanaan ISMS; dan</p> <p>(ii) Dokumen Penyata Pemakaian (SoA).</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
31.6	<p>Laporan Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Imbasan Laporan Pelaksanaan Penilaian Risiko ISMS Semakan Oktober 2023 sebagaimana dinyatakan di Laporan Agenda 6 yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat dimaklumkan Laporan Penilaian Risiko Semakan Oktober 2023 ini adalah sebagaimana yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS Kali ke-30 (Khas) pada 5 Oktober 2023.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
31.7	<p>Laporan Status Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat Setiap Pasukan ISMS</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum laporan pelaksanaan 18 aktiviti Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang disediakan oleh lima (5) Pasukan ISMS bagi tempoh Julai hingga Disember 2023 adalah seperti di Laporan Agenda 7 yang dibentang semasa mesyuarat.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum bahawa setiap pasukan sentiasa membuat pemantauan secara berkala terhadap pelaksanaan aktiviti tahunan ISMS pasukan masing-masing dalam memastikan kelancaran pelaksanaan ISMS secara keseluruhan di UPM.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
31.8	<p>Hal-Hal Lain</p> <p>31.8.1 Perancangan Aktiviti ISMS Tahun 2024</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum dan perhatian berhubung Takwim Perancangan Aktiviti ISMS Tahun 2024 sepertimana pada Laporan Agenda 8.1 yang dibentang. Perancangan merangkumi aktiviti ISMS seperti Mesyuarat Jawatankuasa Kerja ISMS, Bengkel Penilaian Risiko, Bengkel Semakan Penyata Pemakaian (SoA), Audit Dalaman, Audit SIRIM, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dan Aktiviti Peralihan Standard ISMS Versi 2022.</p> <p>(b) Mesyuarat meminta supaya Takwim Perancangan Aktiviti ISMS Tahun 2024 ini dihebahkan untuk makluman bersama ahli pasukan ISMS masing-masing.</p>	<p>Makluman</p> <p>Semua Ketua Pasukan ISMS</p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>31.8.2 Laporan Status Tindakan Penemuan Audit SIRIM ISMS Tahun 2023</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Status Tindakan Penemuan Audit SIRIM ISMS Tahun 2023 adalah sepertimana pada Laporan Agenda 8.2 yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat meminta peneraju yang terlibat mengemukakan segera maklum balas pelan tindakan bagi dua (2) laporan peluang penambahbaikan SIRIM ISMS 2023 iaitu bagi OFI-7 dan OFI-8.</p> <p>(c) Mesyuarat meminta semua peneraju proses memastikan bukti tindakan dihantar mengikut tempoh yang telah ditetapkan iaitu selewatnya pada 30 Jun 2024 kepada pihak CQA.</p> <p>31.8.3 Laporan Status Tindakan Penemuan Audit Dalaman ISMS Tahun 2023</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Status Tindakan Penemuan Audit Dalaman ISMS Tahun 2023 setakat 13 Februari 2024 adalah sepertimana pada Laporan Agenda 8.3 yang dibentang.</p>	<p>Makluman</p> <p>Ketua Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti & Ketua Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang (bagi Entiti BKAD)</p> <p>Ketua Pasukan Yang Terlibat</p> <p>Makluman</p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman																
	<p>(b) Mesyuarat mengambil maklum status terkini penutupan penemuan Audit Dalaman ISMS adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="495 415 1227 961"> <thead> <tr> <th>Penemuan</th> <th>Ditutup</th> <th>Belum Ditutup</th> <th>PTJ terlibat (Belum Tutup)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>NCR</td> <td>4</td> <td>7</td> <td>FP, iDEC, INTL, PPKKP, TNCHEPA, CADe-Lead</td> </tr> <tr> <td>OFI</td> <td>9</td> <td>6</td> <td>PPKKP, UPMKB, FBSB, FP, CADe-Lead</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>13</td> <td>13</td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <p>(c) Mesyuarat meminta semua pasukan/PTJ ISMS yang terlibat mengambil tindakan sewajarnya bagi menutup NCR/OFI mengikut tempoh masa yang dipersetujui dalam PortalCQA.</p> <p>31.8.4 Laporan Pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2023</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum berhubung Status Pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2023 adalah sepertimana pada Laporan Agenda 8.4 yang dibentang.</p> <p>(b) Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti laporan analisis soal selidik ISMS tahun 2023 seperti berikut:</p> <p>(i) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Program Diploma (Bintulu) Sesi Kemasukan 2023/2024;</p> <p>(ii) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah Tahun 2023;</p>	Penemuan	Ditutup	Belum Ditutup	PTJ terlibat (Belum Tutup)	NCR	4	7	FP, iDEC, INTL, PPKKP, TNCHEPA, CADe-Lead	OFI	9	6	PPKKP, UPMKB, FBSB, FP, CADe-Lead	Jumlah	13	13		<p>Makluman</p> <p>Ketua Pasukan ISMS/PTJ yang terlibat</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
Penemuan	Ditutup	Belum Ditutup	PTJ terlibat (Belum Tutup)															
NCR	4	7	FP, iDEC, INTL, PPKKP, TNCHEPA, CADe-Lead															
OFI	9	6	PPKKP, UPMKB, FBSB, FP, CADe-Lead															
Jumlah	13	13																

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>(iii) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua Sesi 2022/2023; dan</p> <p>(iv) Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Program Bachelo (Serdang dan Bintulu) Sesi Kemasukan 2023/2024.</p> <p>(c) Mesyuarat meminta supaya cadangan penambahbaikan hasil soal selidik yang dijalankan diambil tindakan oleh setiap pasukan dan seterusnya dibawa untuk pemakluman mesyuarat akan datang.</p> <p>(d) Mesyuarat bersetuju meluluskan kesemua Laporan Analisis Soal Selidik Keselamatan Maklumat ISMS yang dibentang untuk dimajukan ke Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-59 pada 20 Februari 2024.</p> <p>31.8.5 Cadangan Perubahan Struktur Organisasi Pasukan ISMS</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum terdapat cadangan perubahan pada Struktur Organisasi ISMS berikut:</p> <p>(i) Struktur Organisasi Jawatankuasa Kerja ISMS;</p> <p>(ii) Struktur Organisasi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu;</p> <p>(iii) Struktur Organisasi Pasukan Pusat Data; dan</p> <p>(iv) Struktur Organisasi Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah.</p> <p>(b) Mesyuarat meneliti dan bersetuju meluluskan perubahan struktur organisasi ISMS UPM dengan tarikh pemakaian/kemaskini pada 15 Februari 2024.</p>	<p>Ketua Pasukan ISMS yang terlibat</p> <p>Penyelaras ISMS</p> <p>Makluman</p> <p>Penyelaras ISMS</p>

Minit	Agenda	Tindakan/ Makluman
	<p>31.8.6 Perancangan Aktiviti Peralihan Standard ISMS Kepada Versi ISO/IEC 27001:2022</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum Kursus Peralihan Standard ISMS daripada versi 2013 kepada versi 2022 telah diadakan pada 6 Februari 2024 dan disampaikan oleh Ts. Azwarie Ahmad, Penceramah SIRIM Training Services Sdn. Bhd. Peserta bagi kursus ini adalah terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Kerja ISMS, Ahli Pasukan ISMS dan juga Juruaudit ISMS UPM.</p> <p>(b) Mesyuarat seterusnya meneliti cadangan tindakan selanjutnya yang perlu dilaksanakan oleh UPM bagi proses peralihan standard ISMS antaranya melibatkan semakan dan penyediaan dokumentasi ISMS dan hebahan/komunikasi berhubung peralihan standard dengan warga Universiti. Perincian adalah sepertimana Laporan Agenda 8.6 yang dibentang.</p> <p>(c) Mesyuarat bersetuju proses peralihan standard ISMS kepada versi 2022 diteruskan dengan skop pensijilan sedia ada.</p> <p>(d) Mesyuarat turut mencadangkan supaya skop pensijilan ISMS pada masa hadapan turut diperluaskan kepada proses yang lebih memberi impak kepada keselamatan maklumat seperti pengendalian kertas peperiksaan, pemarkahan dan penggredan kursus.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP ISMS/ Penyelaras ISMS</p> <p>Makluman</p>
<p>31.9</p>	<p>Penangguhan Mesyuarat</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.</p>	

SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KERJA SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN
MAKLUMAT (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 KALI KE-31 (1/2024)
SECARA DALAM TALIAN

HADIR

1. Ts. Shahril Iskandar Amir (Timbalan Wakil Pengurusan ISMS) - **Pengerusi**
2. Puan Haslida Hassan (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
3. Encik Abdullah Arshad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
4. Ts. Muhamad Farid Harun (Ketua, Pasukan Pusat Data)
5. Puan Yasminani Mohamad (Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
6. Puan Norhasliza Hassan (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah)
7. Cik Shazleen Ilyana Sharifuddin (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah)
8. Encik Sudirman Asmadi (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
9. Encik Jivanathan Arumugam (Timbalan Ketua, Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti)
10. Encik Mohamed Shukri Mohamed Noor (Timbalan Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
11. Encik Wan Hafizi Wan Umar (Penyelaras Penilaian Risiko ISMS)
12. Puan Shamriza Shari (Penyelaras ISMS) - **Setiausaha**

TURUT HADIR

1. Encik Abdul Hadi Rashid (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
2. Encik Fadhlil Zakuan Ahmad Fadzil (Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang)
3. Puan Kasmaria Zawawi - **Urusetia**

TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN)

1. Ts. Mohd Faizal Daud (Penasihat Jawatankuasa Kerja ISMS)
2. Encik Noor Hakim Ahmad (Ketua, Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu)
3. Ts. Rostam Abu Bakar (Timbalan Ketua Pasukan, Pusat Data)

PENCAPAIAN OBJEKTIF ISMS TAHUN 2023

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2023	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Pencapaian
1.	Memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran	80%	Peratusan pelajar baharu memberi skor 4.00 (skala likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang & Bintulu)	<p>UPM Kampus Bintulu: Pelajar Diploma – 97.0% pelajar baharu memberi skor 4.00 ke atas (Skala Likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS yang dilaksanakan pada 24 hingga 25 Julai 2023.</p> <p>UPM Kampus Serdang & Bintulu: Pelajar Bachelor – 97.9% pelajar baharu memberi skor 4.00 (skala likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan berdasarkan kepada jumlah pelajar yang mendaftar pada 30 September hingga 1 Oktober 2023 (Sesi 1) dan 22 Oktober 2023 (Sesi 2).</p>
2.	Memastikan ketersediaan aplikasi Sistem Maklumat Pelajar (SMP) untuk urusan pendaftaran pelajar baharu	95%	Peratusan ketersediaan aplikasi SMP menggunakan Sistem Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring	Pasukan Pusat Data	<p>Pelajar Diploma – 100.000% Peratusan ketersediaan aplikasi SMP semasa hari pendaftaran pelajar baharu diploma pada 24 hingga 25 Julai 2023.</p> <p>Pelajar Bachelor – 100.000% Peratusan ketersediaan aplikasi SMP semasa hari pendaftaran pelajar baharu bachelor pada 30 September 2023, 1 Oktober 2023 dan 22 Oktober 2023.</p>

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2023	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Pencapaian
3.	Memastikan ketersediaan aplikasi Penilaian Pengajaran (BlastTA) untuk urusan penilaian pengajaran	95%	Peratusan ketersediaan aplikasi BlastTA menggunakan Sistem Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring	Pasukan Pusat Data	100.000% Peratusan ketersediaan aplikasi BlastTA sepanjang tempoh penilaian pengajaran program bachelo semester kedua sesi 2022/2023 pada 22 Mei 2023 hingga 9 Julai 2023 .
4.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80%	Peratusan pelajar mencatatkan min skor keseluruhan 4.00 (skala likert 5.00) dalam kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	82.01% 3,231 daripada 3,940 pelajar memberikan penilaian antara skor baik dan cemerlang (min 4.00 – 5.00) terhadap tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran UPM Semester 2 Sesi 2022/2023 .
5.	Memastikan tahap keyakinan pelajar baharu terhadap keselamatan maklumat semasa proses pendaftaran	80%	Peratusan pelajar baharu memberi skor 4.00 (skala likert 5.00) melalui soalan kaji selidik keselamatan maklumat pihak berkepentingan ISMS	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah	86.0% Kaji selidik pendaftaran pelajar baharu siswazah Semester Pertama 2023/2024 yang dilaksanakan pada 25 September-8 Oktober 2023 melibatkan seramai 1,599 responden . 89.0% Kaji selidik pendaftaran pelajar baharu siswazah Trimester Kedua 2023/2024 yang dilaksanakan pada 23 Oktober – 29 November 2023 melibatkan seramai 211 responden . 83.0% Kaji selidik pendaftaran pelajar baharu siswazah (FPSK) Sesi Kedua 2023/2024 yang dilaksanakan pada 1-21 Disember 2023 melibatkan seramai 3 responden .

Bil	Kenyataan Objektif	Sasaran 2023	Kaedah Pengukuran	Peneraju	Pencapaian
6.	Memastikan ketersediaan pelajar baharu siswazah. aplikasi iGIMS dan PutraENROLL untuk urusan pendaftaran pelajar baharu	95%	Peratusan ketersediaan aplikasi iGIMS dan PutraENROLL menggunakan Sistem Pemantauan Aplikasi Uptime Monitoring	Pasukan Pusat Data	<p>Peratusan ketersediaan aplikasi iGIMS: 99.104% Peratusan ketersediaan aplikasi PutraENROLL: 99.223%</p> <p>Peratusan ketersediaan aplikasi diukur semasa pendaftaran pelajar baharu siswazah pada:</p> <p>Semester Pertama 2023/2024 : 25 September 2023 hingga 5 Januari 2024</p> <p>Trimester Kedua 2023/2024: 23 Oktober - 10 November 2023</p> <p>Sesi Kedua 2023/2024: 1 Disember - 14 Disember 2023</p>